



Program Resensi Buku Ramadan: 1 Staf 1 Buku



Posted on **April 1, 2024**

by **Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang**



Sempena bulan Ramadan 1445H ini, Perpustakaan Tengku Anis UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) Kampus Machang telah mengadakan Program Resensi Buku Ramadan: 1 Staf 1 Buku sepanjang bulan ramadan bermula 12 Mac sehingga 31 Mac 2024. Program ini melibatkan seramai 21 orang staf PTA dan dilakukan bertempat di Ruang LCE selepas aktiviti tadarus Al-Quran.



Setiap staf PTA perlu meminjam dan membaca buku koleksi PTA yang bertemakan bulan Ramadan dan apa sahaja yang berkaitan dengan keagamaan seterusnya membuat ulasan mengenai buku yang dibaca tersebut. Program ini bertujuan untuk mempergiatkan aktiviti galakan membaca terutamanya dalam kalangan staf PTA serta menjadikan membaca sebagai budaya sekaligus menyokong aspirasi Read@UiTM.

Diharapkan semoga program sebegini dapat melatih semua staf PTA untuk yakin bercakap di depan dan semoga segala perkongsian daripada semua dapat memberi manfaat kepada pendengar khususnya kepada warga PTA.

Disediakan oleh: Sazlina Saleh, Pembantu Pustakawan PTA UiTMCK Kampus Machang

POSTED UNDER KAMPUS MACHANG, UiTM KELANTAN READ@UiTM

RESENSI RAMADAN

PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS UiTMCK

[←](#)
**Program 'Meet & Greet' Bersama
Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan & Fakulti Perakaunan
UiTM Cawangan Kelantan**

Zakat Fitrah@PKEJ [→](#)